

BULETIN

JTK SARAWAK

EDISI 23 BIL 2/2020 (JULAI - DISEMBER)

ISSN 2231-8569



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA EDITOR	2
PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK	3
AKTIVITI RASMI JABATAN	4
AKTIVITI KELAB	22
SUDUT PENDIDIKAN PERBURUHAN	23
INFO ICT	25
PENCAPAIAN	26
BERITA WARGA	27

DARI MEJA KETUA EDITOR



SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Tuan Awang Raduan bin Awang Omar
(Pengarah Tenaga Kerja)

Ketua Editor

Encik Sulaiman bin Ismail
(Timbalan Pengarah Tenaga Kerja)

Editor

Encik Ewiim @ Ewiin anak Michael Sinar
(Ketua Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Penyelaras

Encik Jeffry Douglas anak William Nagun
(Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Ahli-ahli

Encik Wahid bin Olen
(Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Encik Mohamad Shahrudin bin Zaidil
(Bahagian Khidmat Pengurusan)

Puan Sapinah binti Mohamad Ibrahim
(Bahagian Standard Perburuhan)

Puan Norhafizah binti Ismail
(Bahagian Penguatkuasaan)

Puan Kartini anak Anthony Juan
(Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin)

Puan Lolita anak Codala
(Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan)

Urusetia

Cik Tan Hui Mien
(Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Puan Sim Ling Foong
(Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Jurufoto

Encik Hayden anak Laie
(Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)

Encik Kipli bin Dollah
(Bahagian Khidmat Pengurusan)

Assalamualaikum wbt,
Salam hormat dan Salam sejahtera,

Pembaca yang budiman,

Selamat bertemu kembali dalam Buletin JTK Sarawak. Ini merupa Edisi 23 buletin ini. Ia akan merangkumikan program dan aktiviti jabatan ini yang telah berlangsung bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2020.

Kita sedia maklum bahawa dalam persekitaran kerja norma baharu sekarang ini, aktiviti kita terbatas demi mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan akibat pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun banyak aktiviti dan program telah berjaya dijalankan oleh jabatan ini dan akan dipaparkan dalam buletin edisi kali ini untuk tatapan pembaca yang budiman.

Saya sebagai Ketua Editor ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dari segi tenaga, masa, buah fikiran, bahan penulisan serta gambar dan sebagainya untuk menjayakan penerbitan buletin kali ini. Walaupun bekerja dalam budaya norma baharu namun ia tidak menghalang pasukan editorial buletin ini untuk berusaha gigih menjayakan penerbitan kali ini. Syabas saya ucapkan.

Semoga apa yang dipaparkan dalam buletin kali ini memberi manfaat dan menjadi sebahagian daripada kenangan manis Jabatan Tenaga Sarawak kelak.

Selamat membaca.

SULAIMAN BIN ISMAIL

Ketua Editor

Diterbitkan oleh:

**Bahagian Penyelidikan dan Maklumat
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Kementerian Sumber Manusia
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383,
93532 Kuching, Sarawak.**

Dicetak : Heng Sing Brothers Press

Perutusan **PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,
Buletin JTK Sarawak menemui pembaca budiman sekali lagi melalui keluaran ulungnya tahun ini. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kerana diberi kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata sebagai perutusan di dalam keluaran terkini Buletin JTK Sarawak Edisi 23 Bil. 2/2020. Saya juga ingin menzahirkan rasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Ketua Editor dan semua ahli sidang editorial Buletin JTK Sarawak kerana berjaya menghasilkan terbitan bagi edisi kali ini.

Adalah menjadi harapan agar Buletin JTK Sarawak ini dapat dijadikan sebagai medium komunikasi dan penyampaian maklumat yang berkesan dalam memaklumkan segala aktiviti dan program yang telah berjaya dilaksanakan dengan baik hasil kerjasama semua Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak.

Sebagai sebuah Jabatan yang menjalankan fungsi penguatkuasaan undang-undang perburuhan, JTK Sarawak menyahut seruan dan hasrat kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 yang telah selesai pada 28 Februari 2021. Pelan ini merupakan pelan strategik dan komprehensif yang akan dijadikan sebagai rujukan utama kepada semua warga JTK Sarawak dalam usaha untuk mengukuhkan integriti, governans dan antirasuah di organisasi.

Pembaharuan harus dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan iaitu dengan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Penularan wabak Covid-19 telah memberi kesan kepada jabatan dalam menjalankan semua aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2020. Semua tugas harian di pejabat telah dilaksanakan mengikut SOP yang sedia ada selaras dengan arahan dan saranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Sarawak Disaster Management Committee* (SDMC).

Antara kejayaan terbesar dan juga menjadi kebanggaan warga JTK Sarawak adalah penganjuran program *outreach* jabatan yang dikenali sebagai *Labour Go Rural Area Programme* atau ringkasnya Labour GRAP



yang telah dilaksanakan dari 11 September hingga 15 September 2020. Isu Covid-19 tidak menghalang kita untuk menjalankan tugas seharian mengikut norma-norma baru.

Jabatan berusaha gigih untuk meningkatkan imej sebagai sebuah jabatan yang disegani, berwibawa dan berintegriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Kita harus memastikan semua majikan di Sarawak patuh kepada undang-undang perburuhan agar kebajikan pekerja sentiasa terjaga.

Selamat datang dan selamat bertugas kepada pegawai dan staf baharu yang menyertai keluarga besar JTK Sarawak. Kepada mereka yang mendapat kenaikan pangkat, selamat maju jaya dan berkhidmatlah dengan cemerlang.

Akhir kata, semoga tahun 2021 ini akan lebih baik dan membawa lebih makna serta cemerlang berbanding tahun sebelumnya. Semoga perkongsian dalam buletin ini dapat dimanfaatkan bersama-sama.

Selamat membaca.

Sekian, wassalam dan salam sejahtera.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

PERSIDANGAN PERTENGAHAN PENGGAJ JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK TAHUN 2020

Persidangan Pertengahan Penggal telah diadakan pada 12 hingga 13 Julai 2020 bertempat di Pullman Waterfront Hotel, Miri. Persidangan ini telah dihadiri oleh 33 orang pegawai dari Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Bahagian di Sarawak. Objektif persidangan ini adalah untuk membentangkan pencapaian SKT yang telah dirancang setakat Januari hingga Jun 2020 dan membuat kajian semula terhadap sasaran yang telah dirancang serta mengenalpasti perkara dan isu yang boleh ditambahbaik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta mengambil pandangan, cadangan dan pendapat yang diusulkan.



PROGRAM SESI LIBAT URUS BAGI KAJIAN IMPAK PERINTAH GAJI MINIMUM 2018

Bahagian Standard Perburuhan telah melaksanakan Program Sesi Libat Urus bagi Kajian Impak Perintah Gaji Minimum 2018 bertempat di UCSI Hotel dengan jayanya pada 21 Julai 2020. Program ini adalah anjuran bersama Sekretariat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

Objektif sesi libat urus ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada persatuan majikan dan kesatuan sekerja yang berada di Sarawak berkaitan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2018. Sesi libat urus ini dikendalikan oleh Dr. Nurhani Aba Ibrahim, anggota Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN).

Seramai 18 orang mewakili dari pelbagai persatuan majikan telah hadir pada sesi pertama, manakala seramai 13 orang mewakili dari pelbagai kesatuan sekerja pada sesi kedua pada hari tersebut.



Wakil daripada kesatuan sekerja sedang mengutarakan pendapat kepada panel JTPGN



Wakil dari persatuan majikan memberikan pandangan mengenai isu yang diketengahkan oleh panel JTPGN



Wakil dari *Federation of Malaysia Manufactures* (Sarawak), Encik Farrez Teh sedang menyampaikan pendapat dan cadangan kepada panel JTPGN

PROGRAM MINI KARNIVAL KERJAYA PERINGKAT BAHAGIAN MUKAH

Pejabat Tenaga Kerja Mukah telah mengadakan Program Mini Karnival Kerjaya bertempat di Dewan Suarah Mesra Mukah pada 15 Ogos 2020. Seramai 8 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan sebanyak 1,372 kekosongan jawatan kepada para pencari kerja. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 151 orang dan seramai 98 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 456 orang pengunjung telah hadir ke program ini.



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak sedang memerhatikan temuduga secara maya



Encik Mohd Irman bin Mohd Din, Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia, Kuching memberi cenderamata kepada Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyampaikan sijil penyertaan kepada salah satu majikan yang terlibat dalam program



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama seorang calon yang berjaya mendapatkan pekerjaan semasa temuduga terbuka

Majlis Sambutan HARI KEMERDEKAAN KE-63 MALAYSIA

Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan ke-63 Malaysia Peringkat Jabatan pada 28 Ogos 2020 bertempat di Lobi Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Antara aturcara majlis tersebut adalah acara mengibarkan Jalur Gemilang serta nyanyian lagu Negaraku, Ibu Pertiwiku dan lagu patriotik secara beramai-ramai.



PROGRAM MINI KARNIVAL KERJAYA PERINGKAT BAHAGIAN BETONG

Pejabat Tenaga Kerja Betong telah mengadakan Program Mini Karnival Kerjaya bertempat di Dewan Panglima Rentap Betong pada 29 Ogos 2020. Seramai 9 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan sebanyak 1,359 kekosongan jawatan kepada para pencari kerja. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 339 orang dan seramai 172 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 632 orang pengunjung telah hadir ke program ini.



Kaunter saringan kesihatan dan pendaftaran para pengunjung sebelum masuk ke dalam dewan



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan pekerjaan



Kaunter pendaftaran untuk mendapatkan nombor giliran temu duga



Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang majikan



Penyampaian sijil kepada wakil majikan oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak sedang berbual dengan salah satu majikan yang menjalankan temu duga secara maya

PROGRAM MINI KARNIVAL KERJAYA PERINGKAT BAHAGIAN BINTULU

Pejabat Tenaga Kerja Bintulu telah mengadakan Program Mini Karnival Kerjaya bertempat di Dewan Suarah Bintulu pada 5 September 2020. Seramai 10 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan sebanyak 2,688 kekosongan jawatan kepada para pencari kerja. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 337 orang dan seramai 71 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 723 orang pengunjung telah hadir ke program ini.



Lawatan ke kaunter PERKESO oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan



Para pencari kerja menunggu giliran mendapatkan borang setelah imbas QR code untuk melihat jawatan kosong

“LABOUR GO RURAL AREA PROGRAM” (Labour GRAP)

Labour Go Rural Area Program atau Labour GRAP telah diadakan pada 11 hingga 15 September 2020. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menyampaikan perkhidmatan Jabatan kepada rakyat yang tinggal di luar bandar atau kawasan pedalaman negeri Sarawak. Program ini juga dijalankan bagi tujuan melaksanakan tanggungjawab sosial bersama-sama penduduk di kawasan sekitar.

Selain daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, beberapa jabatan dan agensi lain di bawah Kementerian Sumber Manusia juga menyertai program ini. Ia termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial, Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Mahkamah Perusahaan, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Selain itu, terdapat agensi lain seperti Jabatan Kesihatan, Bank Negara, Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan sebagainya juga turut menyertai program ini.



Sebanyak tujuh lokasi yang terlibat dalam program ini. Kesemua lokasi tersebut terletak di persisiran pantai dari kawasan Samarahan sehingga Sibu. Senarai lokasi dan tarikh program adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi GRAP	Tarikh Program
1	Sebuyau	11 September 2020
2	Pusa	11 September 2020
3	Kabong	12 September 2020
4	Sarikei	13 September 2020
5	Bintangor	13 September 2020
6	Tanjung Manis	14 September 2020
7	Belawai	15 September 2020

Antara aktiviti yang diadakan termasuk kaunter perkhidmatan, mini karnival kerjaya, ceramah perburuhan, ceramah kerjaya, lawatan kesedaran ke tempat pekerjaan, edaran *flyers* dan sebagainya. Selain itu, aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial turut diadakan dalam program ini, iaitu gotong-royong membersihkan kawasan dan pemberian sumbangan barang kepada individu atau keluarga yang memerlukannya.

Selain itu, satu rombongan konvoi yang melibatkan 10 buah kenderaan dan 39 pegawai dan staf daripada

beberapa jabatan dan agensi di bawah Menteri Sumber Manusia turut memeriahkan program ini. Rombongan konvoi ini diketuai oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan bin Awang Omar dan diiringi oleh anggota-anggota Polis Diraja Malaysia. Rombongan konvoi ini telah memulakan perjalanan dari Bangunan Sultan Iskandar, Kuching pada 11 September 2020, jam 6.00 pagi dan tiba di Belawai pada 14 September 2020. Rombongan konvoi ini telah melalui semua lokasi program pada tarikh-tarikh di atas.

Program yang buat julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan ini telah mendapat sambutan daripada 1,300 pengunjung sepanjang program tersebut berlangsung.



Rombongan konvoi



Aktiviti lawatan kesedaran ke tempat pekerjaan di Pekan Bintangor pada 13 September 2020



Aktiviti di Dewan Masyarakat Kampung Kalok, Pusa berlangsung pada 11 September 2020



Pemberian sumbangan barang oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak kepada keluarga yang memerlukan



Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan bin Awang Omar (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Datu Haji Len Talif Salleh, Menteri Muda Pembangunan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar pada Majlis Penutupan Rasmi GRAP 2020 di Dewan Kampung Jerijin, Belawai pada 15 September 2020



Kehadiran wakil-wakil jabatan dan penduduk-penduduk kampung di kawasan Belawai memeriahkan Majlis Penutupan Rasmi GRAP 2020



Gambar sekitar berlangsungnya Labour GRAP

PROGRAM MINI KARNIVAL KERJAYA SEMPENA PROGRAM *OUTREACH* LABOUR GRAP

Sempena Program *Outreach* Labour GRAP yang diadakan dari 11 hingga 15 September 2020, sebanyak lima (5) Program Mini Karnival Kerjaya telah dianjurkan oleh Pejabat Tenaga Kerja Bahagian. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat yang masih belum bekerja atau inginkan peningkatan dalam kerjaya terhadap peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang karnival adalah seperti temu duga terbuka atau secara virtual, ceramah kerjaya, pendaftaran pencari kerja, khidmat nasihat perburuhan, pameran dan perkhidmatan secara terus oleh Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.



11.09.2020

Dewan Pembangunan Sebuyau

Bilangan majikan terlibat : 3

Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan : 318



Bilangan pencari kerja yang ditemuduga : 15

Bilangan pencari kerja yang ditempatkan : 4

Bilangan pengunjung : 150



11.09.2020

Dewan Masyarakat Kampung Kalok, Pusa

Bilangan majikan terlibat : 3

Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan : 1446



Bilangan pencari kerja yang ditemuduga : 43

Bilangan pencari kerja yang ditempatkan : 6

Bilangan pengunjung : 222



12.09.2020

D'Akasya Homestay Kabong

Bilangan majikan terlibat : 2

Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan : 1044



Bilangan pencari kerja yang ditemuduga : 23

Bilangan pencari kerja yang ditempatkan : 10

Bilangan pengunjung : 145



13.09.2020

Sarikei Innovation Center (SIC)

Bilangan majikan terlibat : 9

Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan : 1257

Bilangan pencari kerja yang ditemuduga : 75

Bilangan pencari kerja yang ditempatkan : 13

Bilangan pengunjung : 248



15.09.2020

Dewan Masyarakat Jerijih, Belawai

Bilangan majikan terlibat : 4

Bilangan kekosongan jawatan yang ditawarkan : 1267

Bilangan pencari kerja yang ditemuduga : 119

Bilangan pencari kerja yang ditempatkan : 20

Bilangan pengunjung : 334

Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman telah melaksanakan Program Mini Karnival Kerjaya pada 26 September 2020 bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Simanggang, Sri Aman. Program ini telah dihadiri oleh seramai 407 orang pengunjung. Seramai 14 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 1976 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 237 pencari kerja telah ditemuduga dengan 189 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan.

PROGRAM MINI KARNIVAL KERJAYA PERINGKAT BAHAGIAN SRI AMAN



Para pencari kerja sedang meneliti jawatan kosong yang ditawarkan oleh majikan



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



Kaunter pendaftaran temu duga untuk mendapatkan nombor giliran



Ruang menunggu panggilan temu duga



Pegawai Kanan Tenaga Kerja bersama pencari kerja yang berjaya ditempatkan dengan majikan



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyerahkan sijil penyertaan kepada salah satu majikan



Sesi gambar berkumpulan para petugas selepas tamat program

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019

Pada 29 September 2020, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019 telah diadakan di Auditorium Kompleks D8, Kompleks D, Putrajaya dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berbahagia Datuk Seri M. Saravanan. Berikutan SOP penganjuran majlis rasmi, seramai 8 orang pegawai dan kakitangan terpilih daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menghadiri majlis tersebut. Senarai penerima APC Tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Penerima	Jawatan	Gred	Pejabat Tenaga Kerja
1	Tujoh anak Bachat	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Sibu
2	Nur Huda binti Mohammad Imran	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Ibu Pejabat
3	Phang Pin	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Ibu Pejabat
4	Doris anak Rakey	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Kuching
5	Edward Jekim anak Diot	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Fleksi S41/S44	Limbang
6	Sumai anak Renang	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Kapit
7	Jevline Lireh Semut	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Bintulu
8	Mac Gyver anak Majang	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Marudi
9	Zaleha binti Yusup	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S38	Sarikei
10	Sarimah binti Seron	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	Bintulu
11	Zaynullita binti Drahman Bujang	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	Mukah
12	Rozina binti Rajak	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Kota Samarahan
13	Lukmannizam bin Abdullah	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Mukah
14	Norsiha binti Hamli	Penolong Akauntan	W29 (KUP)	Serian
15	Suhaila Hajia	Penolong Akauntan	W29 (KUP)	Miri
16	Dayang Azina binti Abg.Ali	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N22 (TBK)	Ibu Pejabat
17	Peggy anak Amis	Jurubahasa	LA19	Miri
18	Alvin Clinton anak Suder	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	Ibu Pejabat
19	Clinton Jemut anak Asvester Ujan	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Sri Aman
20	Astinah Nyambang	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Bintulu
21	Nurjanah binti Saiee	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Bakun
22	Mohamad Nazrin bin Jahari	Pembantu Operasi	N11	Marudi
23	Mohd Azmi Abdullah @ Jimmy	Pemandu Kenderaan	H11	Ibu Pejabat

KURSUS PENGURUSAN REKOD JABATAN

Kursus ini telah dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak pada 1 hingga 3 Oktober 2020 bertempat di Kingwood Hotel, Sibu. Seramai 32 orang pegawai dan staf dari Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri kursus ini. Penceramah jemputan ialah Encik Mortadza bin Haji Adenan daripada INTAN Sarawak. Antara objektif kursus ini adalah untuk:-

- (i) mewujudkan rekod iaitu dengan menyediakan surat rasmi kerajaan mengikut ciri-ciri, struktur dan format yang betul;
- (ii) mengklasifikasikan fail mengikut koding yang telah ditetapkan dan diamalkan oleh Arkib Negara Malaysia;
- (iii) membuka, mengurus dan mengendalikan fail yang aktif mengikut tatacara seperti yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan semasa; dan
- (iv) menentukan rekod-rekod penting dan bernilai untuk dikekalkan, dimusnahkan dan dilupuskan untuk kepentingan organisasi dan negara.



KURSUS PEMERKASAAN SIASATAN DAN LAPORAN SURAT KELULUSAN SECARA DASAR (AP) PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN TAHUN 2020

Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKSWK) telah menganjurkan Kursus Pemeraksanaan Siasatan dan Laporan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Tahun 2020 di Hotel Nu, Bintulu pada 12 hingga 14 Oktober 2020.

Seramai 30 orang pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Bahagian dan Ibu Pejabat JTKSWK telah menghadiri kursus tersebut.

Tujuan kursus ini dianjurkan adalah untuk:-

- a) memberi penerangan dan panduan mengenai pengendalian siasatan AP yang berkesan;
- b) memberi penerangan, panduan dan format dalam penyediaan laporan siasatan AP yang berkualiti;
- c) memaklumkan tentang Surat Pekeliling Bahagian Pekerja Bukan Pemastautin Bil 1/2020 – Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin dan memberi penerangan tentang penambahbaikan MPK baharu serta arahan-arahan, polisi dan dasar terkini penggajian pekerja bukan pemastautin;
- d) memberi penerangan tentang penambahbaikan MSEN; dan
- e) memberi penerangan dan panduan tentang pengurusan kes pampasan pekerja dan wang deposit.

Pembentangan slaid-slaid telah memberi manfaat kepada para peserta dalam memantapkan mutu siasatan dan ulasan AP agar ianya merangkumi segala aspek yang diperlukan. Selain itu, ianya juga memastikan bahawa MSEN diisi dengan lengkap dan maklumat yang tepat. Strategi pengurusan kes pampasan pekerja juga dibentangkan untuk memastikan semua kes pampasan pekerja termasuk pengurusan wang deposit pampasan pekerja diurus dengan cepat, tepat dan berintegriti.

Pada hari terakhir bengkel ini, satu taklimat ringkas mengenai penambahbaikan MSEN yang telah dibuat seperti modul permohonan lesen penggajian pekerja bukan pemastautin tempoh singkat dan majikan kapal ikan, laporan serta cara membuat pertanyaan atau *inquiry* dalam MSEN. Segala maklum balas daripada peserta bengkel telah diperolehi, direkod dan diberi maklumbalas serta untuk input bagi tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan selanjutnya.



Para peserta yang hadir Kursus Pemeraksanaan Siasatan dan Laporan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Tahun 2020

Taklimat diberikan oleh Encik Stanley Bennet Lehan, Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin (PPBP) mengenai proses kerja Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin di Sarawak



Sesi taklimat oleh Encik Dedua anak Taim @ Tiam, Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin berhubung perkara penting dalam penambahbaikan MPK dan pengurusan pampasan pekerja

Sesi bergambar peserta Kursus Pemeraksanaan Siasatan dan Laporan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Tahun 2020 bertempat di Hotel Nu, Bintulu



Bengkel ini diadakan selama 4 hari iaitu pada 19 hingga 22 Oktober 2020 bertempat di Dorset Boutique Hotel, Kuching. Bengkel ini dihadiri oleh Pengarah JTK Sarawak Tuan Awang Raduan bin Awang Omar, Timbalan Pengarah, Encik Sulaiman bin Ismail dan 18 orang pegawai kanan yang lain daripada Ibu Pejabat JTK Sarawak, PTK Kuching, PTK Samarahan, PTK Serian, PTK Sri Aman dan PTK Sarikei. Fasilitator bagi bengkel ini ialah Encik Mohamad Shahrudin bin Zaidel dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat JTK Sarawak.

Objektif bengkel ini diadakan ialah bagi menyediakan buku Pelan Antirasuah Organisasi JTK Sarawak 2021-2025 selaras dengan hasrat kerajaan untuk membendung gejala rasuah melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Dalam NACP semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dikehendaki untuk menyediakan OACP masing-masing bagi tempoh 5 tahun.

BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK 2021 – 2025



PROGRAM OUTREACH KE EMPANGAN BALEH, KAPIT

Program *Outreach* ke Empangan Baleh, Kapit telah dijalankan pada 25 hingga 27 Oktober 2020. Program tersebut melibatkan 14 orang pegawai yang diketuai oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan bin Awang Omar. Turut hadir dalam program tersebut adalah Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Sulaiman bin Ismail dan pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat, Pejabat Tenaga Kerja Sibu dan Pejabat Tenaga Kerja Kapit.

Program ini dilaksanakan untuk memeriksa tempat-tempat pekerjaan yang terletak di Empangan Baleh dengan memberikan fokus kepada pematuhan Seksyen 119 Ordinan Buruh Sarawak. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada pemandu tentang kekangan dan cabaran semasa memandu di kawasan "off-road" dan kawasan yang berbukit.

Taklimat khas telah diadakan pada 25 Oktober 2020 di Pejabat Tenaga Kerja Kapit. Perjalanan dari pekan Kapit ke Empangan Baleh dimulakan seawal jam 5.00 pagi pada 26 Oktober 2020. Perjalanan tersebut mengambil masa lebih kurang 6 jam untuk sampai ke destinasi. Sebahagian besar jalan tersebut merupakan jalan tanah dan berbukit.

Sebanyak 5 tempat pekerjaan telah diperiksa dalam program ini. Hasil daripada pemeriksaan itu beberapa pelanggaran terhadap Seksyen 119 Ordinan telah pun ditemui. Justeru, pegawai yang terlibat telah merampas dokumen-dokumen yang berkaitan dan merekodkan pernyataan pekerja-pekerja yang terlibat. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap majikan yang terbabit.



Taklimat operasi disampaikan oleh Pegawai Tenaga Kerja, Encik Sandak anak Patan di Pejabat Tenaga Kerja Kapit kepada semua pegawai dan pemandu yang terlibat



Pegawai yang terlibat sedang memeriksa pekerja bukan pemastautin dari negara India yang berada di tempat penginapan dan merampas dokumen yang berkaitan



Pegawai yang terlibat sedang memeriksa pekerja bukan pemastautin dari negara Bangladesh yang sedang bekerja di sebuah bengkel berdekatan dengan tapak pembinaan Empangan Baleh



Gambar pegawai-pegawai yang terlibat menyertai Program *Outreach* ke Empangan Baleh, Kapit



Pegawai yang terlibat sedang memeriksa pekerja-pekerja bukan pemastautin yang bekerja di tapak pembinaan Empangan Baleh



Kenderaan pacuan empat roda yang digunakan dalam perjalanan balik dari tapak pembinaan Empangan Baleh ke Bandar Kapit



Pemandu kenderaan Encik Conrad Benet dibantu oleh Encik Azmi Abdullah sedang mengisi minyak kenderaan semasa perjalanan balik dari tapak pembinaan Empangan Baleh

KURSUS TEKNIK PENYIASATAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG BURUH DAN ATIPSOM 2007

Kursus ini diadakan pada 25 hingga 28 Oktober 2020 bertempat di 56 Hotel, Kuching yang melibatkan seramai 30 orang pegawai dari pejabat bahagian. Penceramah bagi kursus kali ini adalah dari kementerian dan jabatan yang terlibat dengan Antipemerdagangan Orang dan Buruh Paksa iaitu:-

- (i) Encik Rhymie bin Mohd Ramli, Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);
- (ii) Cik Lazuli Nambiar A/P Madavan, Pegawai Perhubungan Perusahaan dari Pejabat Strategik Nasional Majlis Antipemerdagangan Orang (NSO MAPO);
- (iii) Encik Kamaruzaman bin Abdul Hamid dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Putrajaya;
- (iv) Encik Harry Silas Tirau, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak; dan
- (v) ASP Rudy Garit anak Gingkoi, Polis Diraja Malaysia.

Antara objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai:-

- (a) prosedur penguatkuasaan Akta AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran 2007 dan peranan pegawai dalam menguatkuasakannya berdasarkan "*Standard Operating Procedure*";
- (b) Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan dalam mengendalikan kes-kes ATIP;
- (c) penyediaan kertas siasatan dari segi siasatan di tempat kejadian, rakaman percakapan saksi, pengumpulan bukti dan sebagainya; dan
- (d) tatacara perlindungan kepada mangsa-mangsa kes ATIP dilaksanakan.

Kursus ini menggunakan pendekatan ceramah melalui dalam talian yang menggunakan pengunaan "*zoom*". Pendekatan secara dalam talian ini adalah kali pertama diadakan bagi kursus anjuran Bahagian Penguatkuasaan disebabkan penceramah dari luar Sarawak tidak dapat merentas daerah akibat pandemik Covid-19. Dalam kursus ini konsep yang akan digunapakai adalah lebih kepada perbincangan, pandangan dan ketetapan bagi isu dan permasalahan yang timbul.



Mesyuarat Halatuju 2021

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Mesyuarat Halatuju Tahun 2021 Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2020 secara maya menggunakan aplikasi “Zoom”. Mesyuarat diadakan secara dalam talian sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berikutan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tuan Awang Raduan bin Awang Omar dan dihadiri oleh semua Ketua Bahagian dan pegawai kanan di ibu pejabat, Ketua-ketua Pejabat PTK Bahagian dan pegawai-pegawai kanan di semua PTK Bahagian.

Objektif mesyuarat ialah untuk menentukan halatuju Jabatan melalui pelan dan strategi yang dirancang untuk tahun 2021. Semua ketua Bahagian di Ibu Pejabat telah membentangkan pelan dan strategi bahagian masing-masing. Selain pembentangan oleh Ketua Bahagian di ibu pejabat, mesyuarat juga berbincang serta mengenalpasti perkara dan isu yang boleh ditambahbaik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta mengambil pandangan, cadangan dan pendapat yang diusulkan.



SESI USER ACCEPTANCE TEST (UAT)

Release 1 Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) bagi JTK Sarawak



Satu sesi *User Acceptance Test* (UAT) untuk Release 1 Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) telah diadakan untuk pengguna di JTK Sarawak pada 2 Disember 2020 secara maya menggunakan aplikasi “Zoom”. Sesi ini diadakan secara dalam talian sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berikutan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Sesi UAT ini diurus dan dianjurkan oleh pihak pemaju projek dengan kerjasama pihak JTKSM dan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan ibu pejabat dan juga di PTK Bahagian. Objektif sesi UAT ini diadakan ialah untuk menguji kebolegunaan beberapa modul dalam SPPB yang telah dibangunkan oleh pihak pemaju. Peserta diberi peluang untuk mengemukakan komen dan cadangan yang jika ada terhadap semua aspek dalam modul yang diuji untuk tujuan penambahbaikan oleh pihak pemaju projek.



Majlis Sambutan Pra-Krismas Dan Tahun Baru 2021

Ahli Jawatankuasa Kecil Kelab Kebajikan dan Sosial (Cawangan Ibu Pejabat) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Majlis Sambutan Pra-Krismas dan Tahun Baru 2021 di ibu pejabat pada 11 Disember 2020. Semasa majlis sambutan itu berlangsung juga diadakan aktiviti bertukar-tukar hadiah sesama staf dan pegawai di samping menjamu selera dengan hidangan yang disediakan dan meraikan pegawai-pegawai yang bertukar keluar dari ibu pejabat. Objektif aktiviti ini diadakan ialah untuk mengeratkan lagi tali silaturahim sesama pegawai dan staf dari pelbagai latar belakang agama yang merayakan pelbagai perayaan mengikut kepercayaan masing-masing.



PENGAWAL KESELAMATAN BERHAK KEPADA BAYARAN LEBIH MASA

**SUDUT
PENDIDIKAN
PERBURUHAN**

Peranan utama pengawal keselamatan adalah menjaga nyawa dan harta. Di samping itu, mereka juga membantu menaikkan imej organisasi kepada pelanggan dan menjaga keselesaan majikan dan pekerja agar mereka dapat menjalankan aktiviti harian seperti biasa. Ini adalah satu peranan yang besar berbanding dengan pulangan yang mereka perolehi.

Antara tugas utama pengawal keselamatan adalah mengawal sesuatu kawasan atau bangunan dari diceroboh, mengawal pelanggan yang berurusan supaya mematuhi prosedur yang ditetapkan, mengatasi atau menyelesaikan masalah atau keadaan huru hara, meronda dari semasa ke semasa, mengambil tindakan awal semasa kecemasan dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa. Adakalanya pengawal keselamatan juga dikehendaki mengawal trafik, menyambut tetamu, memberi nasihat kepada pelanggan serta melakukan tugas-tugas am yang lain.



Dalam menjalankan tugas, pengawal keselamatan dikehendaki mengisi diari atau buku log pada setiap masa atau hari bertugas, membantu membuka dan menutup premis setiap hari semasa bertugas, datang kerja awal dari orang lain untuk melihat keadaan premis atau memeriksa sama ada terdapat kesan pencerobohan dan sebagainya. Dalam menjalankan tugas, mereka tidak boleh meninggalkan tempat kerja kecuali dengan kebenaran penyelia atau pihak atasan. Justeru, pengawal keselamatan mempunyai masa kerja yang panjang jika dibandingkan dengan jenis pekerjaan yang lain.

Perkara yang sering dibangkitkan dan menjadi isu adalah sama ada seseorang pengawal keselamatan yang bekerja pada masa yang panjang berhak menerima bayaran lebih masa seperti yang termaktub dalam undang-undang. Hal ini disebabkan ada yang menyatakan bahawa pengawal keselamatan adalah terlibat dalam kerja yang tidak aktif atau pekerjaan menunggu untuk masa yang panjang maka dengan itu mereka tidak berhak menerima bayaran lebih masa seperti yang ditetapkan dalam undang-undang.

Dalam seksyen 105(12) Ordinan Buruh Sarawak telah memperuntukkan bahawa seksyen 105 mengenai “**hours of work**” tidak terpakai kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam kerja yang oleh sebab jenisnya melibatkan pekerjaan yang tidak aktif atau pekerjaan menunggu untuk masa yang panjang. Seksyen 105(12) berbunyi:

This section shall not apply to employees engaged in work which by its nature involves long hours of inactive or standby-by employment.

Ini bermakna sekiranya jenis pekerjaan seseorang pekerja adalah dikategorikan sebagai “*long hours of inactive or stand-by employment*” maka ia tidak berhak menerima bayaran lebih masa yang diperuntukkan oleh seksyen 105(6).

Seksyen 105(6) berbunyi:

For any overtime work carried out in excess of the normal hours of work, the employee shall be paid at a rate which is not less than one and a half times his hourly rate of pay irrespective of the basis on which his rate of pay is fixed.

Dalam kes ***Tang Container And Services Sdn. Bhd. v. Awang Osman Bin Awang Juli (Civil Appeal No. 11-16-2009-I)***, perayu merupakan majikan kepada responden yang digaji sebagai pengawal keselamatan. Premis perayu terdiri daripada blok pejabat, gudang dan kawasan terbuka yang luas untuk menyimpan kontena. Terdapat dua pintu pagar premis yang mempunyai pondok kawalan, iaitu “**Gate A**” dan “**Gate B**”. Responden ditugaskan di “**Gate A**” atau “**Gate B**” untuk syif siang tetapi sekiranya responden bertugas pada syif malam, beliau ditempatkan di “**Gate A**”.

Antara tugas responden adalah mengawal kemasukan pelanggan dan kenderaan yang membawa kontena untuk perayu. Selain itu, responden juga dikehendaki menjaga kontena, memeriksa suhu dalam kontena, memeriksa generator, dan membuat rondaan dari semasa ke semasa di sekitar kawasan premis perayu menggunakan basikal yang disediakan oleh perayu.

Waktu kerja responden adalah mengikut dua syif berselang, iaitu syif siang yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan syif malam yang bermula dari jam 5.00 petang hingga 8.00 pagi hari berikutnya. Apabila responden ditugaskan untuk bekerja syif malam pada hari Sabtu, waktu kerjanya bermula dari jam 12.00 tengah hari pada hari Sabtu sehingga jam 8.00 pagi pada hari Isnin. Responden menyatakan bahawa syarat pekerjaan yang menghendaki beliau bekerja lebih daripada lapan jam sehari tanpa bayaran lebih



masa adalah berlawanan dengan seksyen 105 Ordinan. Responden dengan itu menuntut bayaran kerja lebih masa selepas lapan jam bekerja sehari. Tuntutan responden telah didengar di bawah seksyen 8A Ordinan Buruh Sarawak di mana Mahkamah Buruh memutuskan bahawa syarat pekerjaan tersebut bercanggah dengan seksyen 105 dan responden berhak kepada bayaran lebih masa berjumlah RM10,768.06. Tidak berpuas hati dengan keputusan, perayu merayu.

Pihak perayu menyatakan bahawa responden tidak berhak dibayar kerja lebih masa kerana responden terlibat dengan kerja yang jenisnya melibatkan waktu kerja tidak aktif dan menunggu untuk masa yang panjang. Perayu menyatakan bahawa apabila responden bekerja pada syif malam, tidak banyak kenderaan yang masuk keluar melalui pintu pagar dan tidak banyak pemunggaran yang dilakukan pada waktu tersebut. Perayu juga menyatakan bahawa responden mempunyai ruang untuk melepaskan masanya dengan membaca surat khabar dan mendengar siaran radio. Di samping itu, responden juga dikatakan mempunyai kesempatan

untuk tidur dalam pondok kawalan yang merupakan tempat kerja responden.

Perayu merujuk kepada kes *Ram Singh v. Bright Steel Sdn. Bhd.* [1988] 3 MLJ 33 yang menyatakan:

In this case, the appellant was employed in 1976 and provided with accommodation. The terms of his employment were informal. He was provided with accommodation with the understanding that he kept an eye on the factory after office hours. He was dismissed in 1985 and until then he had not make any claim for overtime. Subsequently he claimed \$213,939.87 for overtime. The claim was allowed by the labour officer but on appeal the learned judge of the High Court dismissed the claim. The appellant appealed.

Held dismissing the appeal: On the evidence, the appellant had not proved his case on the balance of probabilities. The learned judge was correct in holding that the evidence was unsatisfactory

Perayu juga merujuk kepada kes *Tara Singh v. Chairman, Sainsor's Institute Comittee, Singapore* [1959] MLJ 1 yang memutuskan di mana seorang attendan mekanik kolam renang yang telah bekerja dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang tidak berhak menuntut bayaran lebih masa di bawah seksyen 43(7) Labour Ordinance yang serupa dengan seksyen 105(12) Ordinan Buruh Sarawak. Kesimpulan yang dibuat oleh Mahkamah adalah berdasarkan penemuan-penemuan seperti berikut:

His duties were to look after the pumping machine and to effect minor repairs to it when necessary, and in addition, he had general duties which involved attending to the cleanliness of the pool. He admitted, however, in cross-examination, that he remained inactive for most part of the day. The respondent called as his witnesses, a cleaner and a ticket seller who are employed along with the appellant at this pool. The cleaner said that the appellant worked with him, scrubbing the pool until 9.00 a.m., and then the appellant dressed and went out of the pool. The ticket collector confirmed the cleaner's evidence that after the appellant had finished helping to clean the pool, he dressed and went out at 9.00 a.m. He added that if the appellant came in again he went to the engine room and sat there doing nothing, and added that 'from 9.00 a.m. to 6.00 p.m. he did what he liked'.

Walau bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kedua-dua kes di atas tidak menyokong kes semasa yang dirayu. Hakim Mahkamah Tinggi merujuk kepada kes *Persatuan Perniagaan Emas dan Permata v. Gentar Singh s/o Kartar Singh* [1994] MLJU 495 yang memutuskan bahawa responden dan 6 orang lain yang digaji sebagai pengawal keselamatan tidak dihalang daripada menuntut bayaran lebih masa di bawah seksyen 60A(1) Akta Kerja yang serupa dengan seksyen 105(12) Ordinan Buruh Sarawak. Keputusan kes *Gentar Singh* adalah seperti berikut:

As to whether s 60A(1) Employment Act proviso does apply to them, I find it is incorrect to liken the 7 claimants to guard in factories at night especially, inactive lying on their 'charpoy' beds inactive within the factory gates and keeping an eye on the factory. The 7, when they work, must be alert and vigilant or appear to be truculent and vigilant, always on the guard for would-be robbers. I find it very difficult to bring myself to say they are inactive in the circumstances they find themselves, when they are doing a dangerous employment. The fact that they managed to keep the goldsmiths safe speak a lot for them and are probably entitled to bonus and danger money payments. I conclude that s 60A(1) proviso do not apply to them. I decided so.

Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa tugas responden dalam kes semasa ini adalah serupa dengan tugas pengawal keselamatan dalam kes *Gentar Singh* di atas. Atas sebab itu, Mahkamah memutuskan bahawa responden berhak kepada bayaran lebih masa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 105(6) Ordinan.

Disediakan oleh,
Phang Pin
Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja
Bahagian Standard Perburuhan
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

MyGovUC^{2.0}

MyGovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, instant messaging serta Sistem Pengurusan Identiti.



MENGAPA MyGovUC DILAKSANAKAN?

MyGovUC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif yang mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh MyGovUC.

JAMINAN TAHAP PERKHIDMATAN MyGovUC

Tahap kesediaan (availability) perkhidmatan MyGovUC adalah 99.9 peratus untuk semua peralatan (perkakasan dan perisian) MyGovUC di dalam Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Putrajaya dan Cyberjaya.

PERKHIDMATAN UTAMA

MyGovUC menyediakan perkhidmatan utama seperti Pengarkiban E-mel, Penghantar Mail Bersaiz Besar menggunakan SmartAttach, Mail Relay, TeamChat dan Web Documents.

KOMUNIKASI BERSEPADU

MyGovUC terdiri daripada pelbagai fungsi komunikasi bersepadu seperti Video Conferencing, TeamChat, IceChat dan GroupWare.

EMEL

Merupakan aplikasi yang membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu sama lain dalam bentuk mesej elektronik.



Anugerah Khas Penerbit



JTK Sarawak telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Penerbit Kategori Kerajaan Persekutuan oleh Pustaka Negeri Sarawak. Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan di *Borneo Convention Centre Kuching (BCKK)* pada 29 Ogos 2020 sempena *Sarawak Authors Festival 2020*.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Ahli Sidang Editorial JTK Sarawak di atas kejayaan tersebut. Semoga semua Ahli Sidang Editorial akan terus menghasilkan penerbitan Jabatan yang berkualiti.



Anugerah Citra Buletin Agensi Kerajaan 2020

Buletin JTK Sarawak Edisi 20 Bil.1/2019 telah dinobatkan sebagai penerima hadiah **Kategori Perak** bagi **Anugerah Citra Buletin Kerajaan 2020** oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Sarawak. Keputusan pemenang telah disiarkan secara rasmi melalui siaran video **Anugerah Tinta Kenyalang dan Lestari Bahasa 2020** di **Facebook DBP Malaysia** pada 21 hingga 24 Disember 2020.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Ahli Sidang Editorial JTK Sarawak di atas kejayaan tersebut. Semoga semua Ahli Sidang Editorial akan terus menghasilkan buletin Jabatan yang berkualiti.



MUTIARA KATA

Nothing ever comes to one, that is worth having, except as a result of hard work.
~ Booker T. Washington ~

Success is not the key to happiness. Happiness is the key to success. If you love what you are doing, you will be successful.
~ Albert Schweitzer ~



Coming together is a beginning, keeping together is progress, working together is success.
~ Edward Everett Hale ~



Nama Pegawai : Nur Alwani Izzati binti Shahudin
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020



Nama Pegawai : Noor Miza Eilina binti Mohd Hailme
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Bintulu
Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020



Nama Pegawai : Manisah binti Baharudin
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020



Nama Pegawai : Katherin Arri A/P Kim Liang
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa : 27.07.2020



Nama Pegawai : Prince bin Md Rasedur Rahman
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N11
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa : 27.07.2020



Nama Pegawai : Mahathir bin Mohamad Kerana
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : JKKP Cawangan Miri
Ke : PTK Sibu
Tarikh Kuat Kuasa : 17.08.2020



Nama Pegawai : Dominic anak Geruna
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Sibu
Ke : PTK Sibu
Tarikh Kuat Kuasa : 14.09.2020



Nama Pegawai : Chong Koh Meng
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : Lantikan Baharu
Ke : PTK Sibu
Tarikh Kuat Kuasa : 18.09.2020



Nama Pegawai : Gamaliel Anak Eddie Nyegang
 Jawatan : Pembantu Operasi Gred N11
 Dari : Lantikan Baharu
 Ke : PTK Sri Aman
 Tarikh Kuat Kuasa : 14.12.2020



Nama Pegawai : Ahmad Zainul bin Ben
 Jawatan : Pembantu Operasi Gred N11
 Dari : Lantikan Baharu
 Ke : PTK Limbang
 Tarikh Kuat Kuasa : 14.12.2020

Kenaikan Pangkat



Nama Pegawai : Rodizan bin Salleh
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
 Penempatan : PTK Lawas
 Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020

Nama Pegawai : Dayang Azina binti Abang Ali
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22
 Penempatan : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
 Tarikh Kuat Kuasa : 07.09.2020



Pertukaran (Ke Luar Jabatan)



Nama Pegawai : Siti Para Suara binti Ahmad
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
 Dari : PTK Miri
 Ke : PTK Dungun
 Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020

Nama Pegawai : Muhamad Faizul bin John Muda
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
 Dari : PTK Lawas
 Ke : PTK Bangi
 Tarikh Kuat Kuasa : 13.07.2020



Nama Pegawai : Mohd Khalil bin Mohd Usop
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
 Dari : PTK Sibul
 Ke : Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Sibul
 Tarikh Kuat Kuasa : 14.09.2020

Pertukaran (Dalam Jabatan)



Nama Pegawai : Mariam Diana anak Martin
Jawatan : Jurubahasa Gred LA29 (KUP)
Dari : PTK Lawas
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa : 01.09.2020



Nama Pegawai : Boniface anak Raynold
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 12.10.2020



Nama Pegawai : Nordin bin Mohamad Salleh
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Limbang
Ke : PTK Lawas
Tarikh Kuat Kuasa : 02.11.2020



Nama Pegawai : Norliza binti Mathan
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Kota Samarahan
Ke : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa : 02.11.2020



Nama Pegawai : Asmarina binti Othman
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Frederick Sait anak Numpang
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Juen anak Hudin
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : KSM, UTC
Ke : Bahagian Standard Perburuhan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Faridah binti Man
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S26
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Zaki Bin Hassan
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S26
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Henry Hiew Choi
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Abang Suffian bin Abang Othman
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Standard Perburuhan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Mohamad bin Tahir
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
Dari : KSM, UTC
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Dayang Feera binti Abang Engkeh
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK)
Dari : Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Sim Ling Foong
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa : 16.11.2020



Nama Pegawai : Zayatini binti Zahari
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa : 01.12.2020



Nama Pegawai : Melati anak Ah Nen
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Kuching
Ke : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa : 01.12.2020

Pengurniaan Pingat



Nama Pegawai : Nigel Anak Na'of
 Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
 Pejabat : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
 Darjah Kebesaran Negeri Sarawak : Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B)
 Tarikh : 15.10.2020

Pegawai Yang Bersara



Nama Pegawai : Fabian Punan Anak Liam
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
 Tarikh Bersara : 01.09.2020
 Pejabat : PTK Lawas



Nama Pegawai : Suta anak Chapi
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
 Tarikh Bersara : 15.09.2020
 Pejabat : PTK Bintulu

Kelahiran Cahaya Mata



Nama Pegawai : Norina binti Abdul Rashid
 Jawatan : Jurubahasa Gred LA19
 Pejabat : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
 Nama Anak : Nur Razif bin Mohammad Sabree
 Tarikh Lahir : 07.10.2020
 Jantina : Lelaki



Nama Pegawai : Olises anak Kubong
 Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
 Pejabat : PTK Sarikei
 Nama Anak : Cayden Olson anak Olises
 Tarikh Lahir : 27.11.2020
 Jantina : Lelaki



Nama Pegawai : Noor Hazlin binti Hanif
 Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
 Pejabat : PTK Bintulu
 Nama Anak : Muhammad Syaif Bazli
 Tarikh Lahir : 21.11.2020
 Jantina : Lelaki

Sekalung Takziah

- 1 Anakanda kepada Puan Hamirdazuraina binti Amit, Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 (TBK) dari PTK Mukah telah kembali ke rahmatullah pada 09.09.2020; dan
- 2 Ayahanda kepada Encik Mac Gyver anak Majang, Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41 dari PTK Marudi telah meninggal dunia pada 01.11.2020.

.....
 Warga kerja JTK Sarawak mengucapkan takziah kepada keluarga mereka yang berkenaan.
 Semoga rohnya dihindarkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.

DIREKTORI

IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching,
Sarawak.
Tel : 082-242261 Fax : 082-244909 / 082-237051
E-mel : jtknsarawak@mohr.gov.my
Laman Web : <http://jtkswk.gov.my>

PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt.7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,
Peti Surat 375, 93300 Kuching, Sarawak
Tel : 082-247349 Faks : 082-247305
E-mel : jtkbkuching@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2, Fasa 17,
Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District,
Jln Dato' Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan
Tel : 082-616073 Faks : 082-616054
E-mel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jln Alamanda, Serian Town
District, 94700 Serian, Sarawak
Tel : 082-874840 Faks : 082-875299
E-mel : jtkbserian@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan Kejatau,
Peti Surat 83, 95007 Sri Aman, Sarawak
Tel : 083-322527 Faks : 083-323194
E-mel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9, Batu Api
Land District, Betong Newtown, 95700 Betong, Sarawak
Tel : 083-420233 Faks : 083-420244
E-mel : jtkbbetong@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse, Lot 719,
Saratok Town District, 95400 Saratok, Sarawak
Tel : 083-438603 Faks : 083-438609
E-mel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln. Bgn. Kerajaan, 96100
Sarikei, Sarawak
Tel : 084-651242 Faks : 084-654011
E-mel : jtkbsarikei@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462, Persiaran Brooke,
Peti Surat 431, 96007 Sibu, Sarawak
Tel : 084-330700 Faks : 084-317284
E-mel : jtkbsibu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln. Kapit By-Pass, Peti Surat 75,
96807 Kapit, Sarawak
Tel : 084-796430 Faks : 084-797637
E-mel : jtkbkapit@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68, Mukah Land District,
Mukah Town Extension Phase II, 96400 Mukah, Sarawak
Tel : 084-874179 Faks : 084-874182
E-mel : jtkbmukah@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt.2, Bgn Persekutuan, Batu 2, Jalan Bintulu/Miri, Peti Surat
418, 97008 Bintulu, Sarawak
Tel : 086-337625 Faks : 086-339457
E-mel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No.4 Sungai Asap Commercial Centre, Belaga Peti Surat
418, 97008 Bintulu, Sarawak
Tel : 019-8595286 Faks : 086-339457
E-mel : jtkbbakun@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt.3, Bgn. Persekutuan, Jln Gartok, Peti Surat 541, 98007
Miri, Sarawak
Tel : 085-419949 Faks : 085-417181
E-mel : jtkbmiri@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan Jalan Fisher, Peti Surat 128, 98707
Limbang, Sarawak
Tel : 085-211228 Faks : 085-212461
E-mel : jtkblimbang@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln Kampung Cina, Peti Surat
224, 98508 Marudi, Sarawak
Tel : 085-755963 Faks : 085-756559
E-mel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat, Lot 334,
Jln Trusan, Lawas Town District, 98850 Lawas, Sarawak
Tel : 085-285452 Faks : 085-285476
E-mel : jtkblawas@mohr.gov.my

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Kementerian Sumber Manusia.